

BAB KETIGA

BAB KETIGA

PERANAN DAN FUNGSI UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING

3.1 LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Unit Kerjaya dan Kaunseling atau singkatnya UKK telah ditubuhkan pada tahun 1969. Pada ketika itu ia dikenali sebagai Unit Bimbingan dan Nasihat. Unit ini pada awalnya telah diletakkan di bawah pengawasan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Pada 18hb. September 1978 unit ini telah diletakkan di bawah pentadbiran pejabat Pengarah dan ditukar namanya menjadi Pusat Kerjaya dan Kaunseling.¹

Walau bagaimanapun, pada 1hb. Oktober 1990 sekali lagi namanya ditukarkan kepada Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK). Walau pun beberapa kali berlaku pertukaran status, namun unit ini mampu dan bertentara serta terus menerus melaksanakan peranannya yang sama dalam memberi perkhidmatan kaunseling dan kerja kepada semua pelajar dan kakitangan Institut Teknologi MARA (ITM).²

¹Institut Teknologi MARA, "Sejarah Dan Kegiatan", *Pusat Kerjaya dan Kaunseling*, Januari, 1995, hal. 1-2.

²Institut Teknologi MARA, *Perspektus*, Unit Perhubungan Awam, 1990-1991, hal. 162.

3.2 MATLAMAT PENUBUHAN

Berdasarkan pada matlamat penubuhan ITM, iaitu mengeluakran graduan atau lulusan yang serba boleh, sama ada dari segi mental, fizikal dan kerohanian serta memupuk sifat-sifat terpuji, maka unit ini juga telah membentuk beberapa garis panduan dalam memenuhi matlamat tersebut, seperti:³

- 3.2.1** Membantu pelajar-pelajar yang bermasalah dengan memberikan bimbingan dan khidmat nasihat ke arah pembentukan akhlak yang terpuji supaya menjadi insan yang soleh dan dapat memenuhi segala tugasnya sebagai khalifah Allah (s.w.t) di atas muka bumi ini.
- 3.2.2** Membantu serta membentuk sahsiah rupa diri pelajar yang unggul dengan tujuan mewujudkan pelajar yang baik dalam menghadapi dunia pekerjaan.

³ Temuduga dengan En. Thantawy bin Hj. Ahmad Ketua Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam pada 13.7.1995. Beliau ialah Ketua Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

3.2.3 Membentuk personaliti pelajar melalui program pembangunan pelajar bersepadu jaya diri. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berakhlik, berilmu dan bertaqwa dalam pengembangan kerjaya untuk kebaikan masa depannya.

3.2.4 Membantu pelajar-pelajar membuat perancangan dan keputusan kerjaya untuk diri sendiri.

3.2.5 Membantu pelajar-pelajar menilai kebolehan dan kecenderungan mereka serta menggabungkan pengetahuan tersebut dengan pemilihan pendidikan dan vokasional mereka.

Berdasarkan kepada keterangan di atas, maka dapat dibuat satu kesimpulan bahawa tujuan penubuhan Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) adalah untuk memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar sam ada dalam bidang akademik dan non-akademik dan menilai kebolehan dan kecenderungan mereka serta menghubungkan pengetahuan tersebut dengan pemilihan pendidikan dan vokasional mereka. Di samping itu juga pelajar-pelajar diberi bimbingan dan khidmat nasihat ke arah pembentukan sahsiah rupa diri yang baik sebagai persediaan dalam menghadapi dunia pekerjaan hari ini.

3.3 PENTADBIRAN DAN STRUKTUR ORGANISASI

Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam terletak di bawah pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di bawah pentadbiran Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar (Bahagian Perhubungan dan Kemudahan Pelajar). Bagi kampus cawangan ia diletakkan di bawah pentadbiran Timbalan Provost Hal Ehwal Pelajar.⁴

Buat masa ini Pegawai Bimbingan dan Nasihat (kaunselor) untuk seluruh sistem ITM berjumlah seramai 28 orang. Untuk membantu pelaksanaan program di kampus Shah Alam, seramai 11 orang kakitangan sokongan ditempatkan di unit tersebut. Bagi kampus cawangan belum diwujudkan lagi.⁵

Dalam melaksanakan tugas hakiki di Unit Kerjaya dan Kauseling, kaunselor juga diberikan tugas dan tanggungjawab melaksanakan perkhidmatannya di kajian-kajian serta di kolej-kolej kediaman. Ini adalah bertujuan untuk mendekatkan UKK dengan masyarakat pelajar dan dapat menambah bekerkesan perkhidmatan.

⁴Ibid.

⁵Unit Kerjaya dan Kaunseling, *Laporan Tahunan Unit Kerjaya dan Kaunseling*, (UKK) ITM, t.t, hal. 3.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas maka dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa Unit Kerjaya dan Kaunseling terletak di Bahagian Hal Ehwal Pelajar di bawah pentadbiran Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar. Manakala kampus cawangan di bawah pentadbiran Timbalan Provos Hal Ehwal Pelajar.

Buat masa ini terdapat seramai 28 orang Pegawai Bimbingan dan Nasihat (kaunselor) bagi seluruh sistem ITM. Dalam memantapkan lagi tugas bimbingan dan khidmat nasihat, kaunselor-kaunselor dipertanggungjawabkan menjalankan tugasnya di kajian dan di kolej-kolej kediaman. Unit Kerjaya dan Kaunseling diketuai oleh seorang Ketua Unit dengan beberapa orang Pegawai Bimbingan dan Nasihat serta beberapa orang kakitangan sokongan.

3.4 PERANAN DAN FUNGSI UNIT

Sesuai dengan sebutan 'kerjaya' dan 'kaunseling', peranan atau fungsi unit ini boleh dikategorikan kepada beberapa perkhidmatan. Di antaranya adalah sebagai berikut:

3.4.1 Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan kaunseling merupakan bahagian penting dalam program pendidikan yang pada dasarnya diadakan khusus untuk membantu klien memperoleh maklumat serta memupuk sikap dan pemahaman yang bijaksana serta pengajaran yang baik dalam hidup manusia.⁶

Aktiviti dalam perkhidmatan kaunseling pada dasarnya memberikan tumpuan pada usaha menolong individu memahami dirinya dan persekitaran masa hadapannya supaya pilihan dan keputusan yang diambil serta tindakan yang dibuat akan menghasilkan pengalaman hidup yang memuaskan berkesan dan berfaeah.

Perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan di UKK mempunyai tujuan yang tertentu. Di antaranya adalah sebagai berikut:⁷

- i. Untuk membantu, membimbing dan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar dan kakitangan yang menghadapi masalah.

⁶Suradi Salim, *Bimbangan Dan Kaunseling*, Siri Bimbangan Dan Pendidikan Utusan Publication, Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1996, hal. 64-65.

⁷Unit Kerjaya Dan Kaunseling, *op.cit.*, hal. 5.

- iii. Untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar melalui latihan kemahiran belajar.
 - iv. Untuk meningkatkan sahsiah rupa diri pelajar melalui program bersepada jaya diri.
 - v. Untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dan mencari resolusi melalui penyelidikan dan ujian psikologi.
 - vi. Untuk memberi perkhidmatan dan latihan kaunseling kepada kakitangan ITM dan masyarakat luar.
-
- vi. Untuk mengujudkan hubungan dengan pihak-pihak tertentu bagi menambahkan kemahiran dengan pengetahuan kaunselor-kaunselor menerusi program dan latihan kemahiran kaunseling dalaman dan luaran.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa tujuan perkhidmatan kaunseling adalah untuk memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar dan kakitangan sama ada bidang akademik dan non-akademik. Perkhidmatan ini juga berusaha membentuk persenoliti pelajar-pelajar ke arah sifat *mahmudah* (terpuji) dengan

melaksanakan beberapa program bersepada jaya diri ke arah menghadapi dunia pekerjaan.

Untuk mencapai tujuan di atas, beberapa bentuk kaunseling telah dilaksanakan. Antaranya adalah sebagai berikut:

3.4.1.1 Kaunseling Individu.

Kaunseling individu ialah proses interaksi yang berlaku di antara seorang klien yang bermasalah dengan seorang kaunselor yang berkemampuan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien. Kaunselor menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada individu yang memerlukan bantuan untuk menyelesaikan perkara-perkara yang difikirkan penting dalam kehidupan mereka sebagai pelajar dan individu.⁸

Perkhidmatan kaunseling individu ini terbuka kepada semua pelajar dan kakitangan ITM. Kaunselor menerima kedatangan klien yang menghadapi berbagai masalah sama ada dengan cara spontan, temujanji, dirujuk dan melalui orang tengah.

⁸Omar din Ashaari, *Pengurusan Sekolah Suatu Panduan Lengkap*, Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan, Utusan Publication, Distributor Sdn. Bhd. cet. 1, Kuala Lumpur, 1996, hal. 159.

Pertemuan secara spontan ialah kaunselor dapat memberikan khidmat nasihat kepada klien pada bila-bila masa tanpa mengira tempat dan keadaan.

Manakala temujanji pula ialah kaunselor akan menentukan masa dan tempat yang sesuai untuk sesi kaunseling. Dalam hal ini, klien akan memberitahu terlebih dahulu untuk mengatur sesi pertemuan.

Ada juga kaunselor menerima pelajar-pelajar yang dirujuk untuk diberikan perkhidmatan kaunseling. Maksud pelajar-pelajar yang dirujuk ialah mereka yang dinasihatkan oleh kakitangan ITM sama ada kakitangan akademik atau non-akademik supaya pelajar tersebut diberikan bimbingan khidmat nasihat.

Perkhidmatan kaunseling individu ada juga dilakukan menerusi khidmat orang tengah. Yang dimaksudkan dengan khidmat orang tengah ialah ada di antara ibu bapa pelajar yang diminta untuk memberikan kerjasama dalam menyelesaikan masalah pelajar. Ini diakui sendiri oleh Puan Rokiah bte Mahmood dalam usahanya membantu menyelesaikan masalah pelajar.⁹

⁹ Temuduga dengan Puan Rokiah bte Mahmood di pejabatnya pada 11.10.1996. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Khidmat Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

Pendekatan kaunseling yang digunakan di dalam kaunseling individu menerusi teknik pemulihan, memupuk dan memelihara.¹⁰ Pendekatan ini mempunyai satu matlamat utama iaitu membina dan mempertingkatkan klien dari segi rohani, akal dan jasmani. Pengisian yang diberikan untuk peningkatan ini mesti berlaku secara bersepada supaya berlaku perimbangan di antara ketiga-tiga komponen manusia itu.¹¹

Sepanjang tempoh 1984-1993 (sehingga kajian ini dibuat), perkhidmatan kaunseling individu ITM telah menerima kedatangan pelajar-pelajar yang menghadapi berbagai permasalahan. Antara permasalahan tersebut adalah seperti berikut:

4.1. Masalah Akademik.

Permasalahan akademik merupakan jumlah pelajar yang tinggi setiap tahun menggunakan perkhidmatan kaunseling individu ITM berbanding dengan permasalahan bidang yang lain. Masalah ini termasuk masalah cuti belajar, teknik pengurusan diri, teknik pembelajaran, pengurusan masa dan

¹⁰Unit Kerjaya dan Kaunseling, *Laporan Tahunan Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK)*, Institut Teknologi MARA, tidak diterbitkan, t.t., hal. 5.

¹¹Mohd. Kamal Hassan (Prof. Dr.), *Pendidikan Dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepada*, Nurin Enterprise, cet. 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998, hal. 294.

lain-lain masalah pelajar untuk mengekalkan serta meningkatkan kecemerlangan akademik.

ii. Masalah Emosi Dan Psikologi.

Menurut Mohd. Salleh Lebar dalam bukunya *Asas Psikologi Perkembangan* bahawa masalah emosi dan psikologi ini ialah masalah yang berkaitan dengan perkembangan personaliti, masalah keluarga, masalah kewangan, masalah kawan-kawan dan sebagainya.¹² Semua masalah yang tersebut di atas akan membawa kepada masalah akademik jika tidak diberi perhatian sewajarnya. Keadaan ini memerlukan bimbingan dan khidmat nasihat kaunselor.

iii. Masalah Kerjaya.

Masalah kerjaya ialah masalah untuk mendapatkan tempat belajar dan tempat pekerjaan. Di dalam perkhidmatan kerjaya masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah masalah melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri, pemilihan kursus dan tempat belajar, biasiswa dan tajaan, penempatan dan

¹² Mohd. Salleh Lebar, *Asas Psikologi Perkembangan*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1994, hal. 147.

persediaan diri untuk alam pekerjaan dan sebagainya. Di antara permasalahan kerjaya yang dihadapi oleh pelajar ITM ialah:

- a. Tidak tahu persediaan dan teknik menghadapi temuduga serta menulis resume.
- b. Tidak pasti kaitan kursus dengan kerja yang diceburi.
- c. Tidak tahu sama ada berminat dalam kerjaya yang diceburi.
- d. Kurang pengetahuan tentang perkembangan semasa berkaitan dengan bidang sendiri.
- e. Masalah penggunaan bahasa Inggeris yang lemah semasa menghadiri sesi temuduga dalam mendapatkan pekerjaan.

iv. Masalah Peribadi

Masalah peribadi ialah masalah yang berpunca dari berbagai sebab. Antara masalah peribadi ialah masalah keluarga, kesihatan, kawan-kawan, malas membaca, kurang tumpuan kepada pelajaran, tiada keyakinan diri, gementar ketika menghadapi peperiksaan, masalah agama, masalah penginapan, masalah seks, masalah emosi, masalah mental, masalah kewangan dan sebagainya.

Pendekatan yang digunakan di dalam kaunseling individu ini ialah melalui teknik dan kemahiran kaunseling yang sesuai dengan masalah yang

dihadapi. Dengan pendekatan ini klien akan merasakan sesuatu yang baik yang dilakukan oleh kaunselor terhadap dirinya. Kaunseling individu ini menampakkan banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar. Masalah-masalah tersebut telah dijelaskan sebelum ini. Masalah yang banyak dihadapi oleh pelajar-pelajar ialah masalah akademik. Ini diikuti dengan masalah-masalah lain.

3.4.1.2 Kaunseling Kelompok

Penjelasan tentang kaunseling kelompok telah dijelaskan sebelum ini. Di sini penulis akan membincangkan tentang kaunseling kelompok yang dilaksanakan di UKK kepada pelajar-pelajar.

Kaunseling kelompok yang dilaksanakan di UKK diberikan secara kumpulan dalam bentuk ceramah, program atau kursus pembangunan diri, kumpulan dinamik serta bengkel-bengkel dalam kursus pemantapan rohani dan jasmani. Ia dijalankan secara berkumpulan di antara kaunselor dengan beberapa orang pelajar/klien. Ia biasanya dijalankan atas dasar permasalahan psikologi antara seorang klien dengan klien yang lain.¹³

¹³Zuraidah bte Abdul Rahman, *op.cit.*, hal. 30.

Perkhidmatan kaunseling kelompok dilaksanakan di dalam program-program berikut:

1. Minggu Wawasan Siswa (MWS)

Antara aktiviti atau program yang dilaksanakan di dalam Minggu Wawasan Siswa ini ialah aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan Bimbingan Dalam Kumpulan (BDK). Latihan Dalam Kumpulan ialah aktiviti yang dilaksanakan dalam bentuk kumpulan. Pelajar-pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang dibimbing oleh seorang fasilitator yang terdiri daripada pensyarah dan kaunselor. Penekanan yang diberikan di sini ialah aspek ketahanan diri, motivasi diri, pembinaan mental, konsep kendiri, misi ITM dan kenegaraan. Aktiviti ini adalah bertujuan untuk membina pelajar-pelajar bersikap positif dalam menghadapi suasana pembelajaran dan setia kepada negara.

Manakala aktiviti Bimbingan Dalam Kumpulan (BDK) ialah penekanan kepada bimbingan fardu ain (BIFA). Pelajar-pelajar diberikan pendedahan kepada perkara-perkara asas fardu ain. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan rukun iman dan rukun Islam. Fasilitator terdiri daripada pegawai penasihat agama dan pensyarah pendidikan Islam.

ii. Kursus Kecemerlangan Akademik.

Kursus Kecemerlangan Akademik atau singkatnya KACA ialah program yang dilaksanakan di peringkat kolej dan kajian. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan kurang daripada 2.3 CGPA (himpunan purata nilai gred) adalah diwajibkan mengikuti program ini. Pelajar-pelajar diberikan bimbingan motivasi dalam meningkatkan prestasi akademik. Modul kursus ialah latihan dalam kumpulan, kumpulan dinamik, kuliah subuh dan maghrib, ceramah motivasi, kembara dan sesi soal jawab paa akhir sesi.¹⁴

iii. Program Motivasi

Program motivasi ini ialah program yang dijalankan di peringkat kolej dan kajian. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan dorongan kepada pelajar-pelajar supaya berminat di dalam pelajaran. Para penceramah terdiri daripada penceramah jemputan dalaman dan luaran ITM.

¹⁴Temuuga dengan Pn. Zaiton bte Ahmad di pejabatnya paa 28.10.1995. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

Dalam program ini kaunselor menanamkan perasaan dan kepercayaan bahawa setiap manusia berkebolehan dan ada harga diri. Kaunselor juga bertanggungjawab menyebarkan pengetahuan tentang peringkat-peringkat perkembangan seseorang individu dan juga maklumat untuk memahami tingkah laku remaja/klien.

iv. Teknik Pembelajaran

Teknik pembelajaran ialah aktiviti untuk memberikan pendekatan kepada pelajar-pelajar tentang bagaimana belajar dengan betul. Pelajar diberi bimbingan untuk menjaga prestasi pencapaian akademiknya setaraf dengan keupayaannya. Kaunselor berperanan untuk memotivasi pelajar-pelajar yang kurang yakin tentang kebolehan diri yang sengaja menggagalkan diri dan berputus asa dengan pencapaian akademik mereka. Kaunselor juga melibatkan diri dalam membimbing pelajar memperolehi kemahiran belajar, cara mengawal tekanan dan kemahiran menggunakan masa.

v. Bengkel Strategi Dalam Kaunseling

Bengkel strategi dalam kaunseling meliputi kemahiran kausneling, kaedah penyelesaian masalah, kaedah menghadapi tekanan, pengurusan konflik, kaunseling penyalahgunaan dadah, bengkel pengendalian emosi, kurus kepimpinan dan kursus kesedaran diri.

Bengkel ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami keadaan dan memperolehi keupayaan untuk bertindak mengatasi ketidak selesaan yang dialaminya.

iv. Bengkel Kaunseling Tingkah Laku Sosial

Bengkel Tingkah laku Sosial meliputi aspek pembentukan akhlak mulia, etika kerja, sosial dan *grooming*.

Setelah diberikan penjelasan tentang kaunseling kelompok yang dilaksanakan di UKK di sini dapat diberikan kesimpulan bahawa kaunseling kelompok ialah kaunseling yang dilakukan secara kelompok di antara kaunselor dengan beberapa orang pelajar sama ada di peringkat kolej atau kajian. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan bimbingan dan khidmat kaunseling secara bersepada kepada pelajar selain dari apda waktu pejabat. Di dalam program ini diadakan beberapa aktiviti atau program seperti kursus kecemerlangan akademik, kursus motivasi, teknik pembelajaran, bengkel strategi dalam kaunseling dan bengkel tingkah laku sosial.

3.4.1.3 Kaunseling Memberi Maklumat

Perkhidmatan kaunseling membri maklumat ialah penerangan-penerangan untuk menyebarkan maklumat kerja, kaunseling, maklumat terkini setiap organisasi, peluang melanjutkan pelajaran dan sebagainya.¹⁵

3.4.1.4 Ceramah/Bengkel Kaunseling Pembangunan Diri

Kaunseling pembangunan diri ialah aktiviti untuk membentuk sikap positif pelajar-pelajar. Aktiviti-aktiviti konsep kendiri adalah aktiviti yang dapat membimbing seseorang untuk lebih mengenali diri sendiri. Aktiviti-aktiviti ini diadakan di peringkat kolej, kajian, jemputan peserta dalaman dan luaran ITM.¹⁶

3.4.1.5 Kursus Teknik Asas Kaunseling/Psikologi

Kursus teknik asas kaunseling ini adalah satu aktiviti yang bertujuan untuk membantu pelajar membuat penyesuaian peribadi, sosial, emosi, akademik, perkembangan mental dan akhlak. Kursus ini diberikan kepada

¹⁵ Wawancara dengan Puan Rokiah bte Mahmood di pejabatnya pada 27.8.1995. Beliau ialah pegawai Bimbingan dan Khidmat Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

¹⁶ Unit Kerjaya dan Kaunseling, *Laporan Tahunan UKK*, Institut Teknologi MARA, tidak diterbitkan, t.t., hal. 7.

pelajar-pelajar, pemimpin-pemimpin persatuan pelajar, kakitangan dan lain-lain. Di samping itu juga diadakan seminar psikologi remaja, kaunseling perkahwinan dan kaunseling remaja.¹⁷

3.4.1.6 Perkhidmatan Hot Line/Surat Menyurat

Perkhidmatan *hot line* ialah perkhidmatan yang diberikan kepada bekas pelajar-pelajar ITM yang sedang mencari pekerjaan dan yang telah bekerja. Di samping itu juga perkhidmatan ini memberikan perkhidmatan kepada keluarga pelajar, pelajar-pelajar dan guru-guru sekolah dan juga majikan serta organisasi luar dan masyarakat secara keseluruhannya.

Manakala perkhidmatan surat menyurat ialah perkhidmatan menjawab segala surat menyurat serta pertanyaan pelajar, sokongan cuti belajar, laporan kes-kes tertentu, biasiswa, surat rayuan, surat rujukan pensyarah, surat sokongan kolej, surat sokongan ke luar negeri serta kes-kes untuk rujukan psikiatri.¹⁸

¹⁷*Ibid.*, hal. 7.

¹⁸*Ibid.*, hal. 7.

3.4.1.7 Perkhidmatan Rujukan/Sokongan/Kes-Kes Kaunseling

Perkhidmatan rujukan ialah perkhidmatan kaunseling individu yang dijalankan secara berterusan untuk pelajar-pelajar yang dirujuk khas oleh penggawa, dekan, ketua kursus dan pensyarah. Di samping itu juga perkhidmatan ini juga menerima pelajar-pelajar yang dirujuk oleh Jawatankuasa Tata Tertib serta mengemukakan ulasan terhadap kes sebagai pengesahan.

Pelajar yang dirujuk biasanya adalah dari kalangan yang menghadapi masalah disiplin. Mereka mungkin tidak menghadiri kuliah, tidak menyertai kegiatan ko-kurikulum, bergaduh sesama kawan, merokok dan prestasi akademik yang kurang memuaskan dan lain-lain.¹⁹

3.4.1.8 Program Kaunseling Khidmat Masyarakat

Kaunselor juga tidak terlepas daripada diperlukan untuk menyumbangkan khidmat bakitnya kepada masyarakat melalui program-program yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan pelajar yang menjalankan berbagai-bagai program dan projek untuk masyarakat. Seringkali kaunselor turut terlibat sebagai perunding dan penceramah. Umpamanya, kaunselor

¹⁹Omarin Ashaari, *op.cit.*, hal. 159.

sering terlibat menyampaikan ceramah motivasi, teknik pembelajaran di tempat projek tersebut dijalankan. Kaunselor juga sering dijemput untuk menyampaikan ceramah dan mengendalikan aktiviti berkelompok oleh institutsi pengajian tinggi lain dan agensi-agensi awam.²⁰

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa perkhidmatan kaunseling ialah salah satu perkhidmatan yang dilaksanakan di UKK. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar dan kakitangan ITM yang memerlukan bantuan dan khidmat nasihat.

Di dalam perkhidmatan kaunseling ini terdapat beberapa bentuk kaunseling. Ini termasuklah perkhidmatan kaunseling secara individu, kaunseling kelompok, kaunseling memberi maklumat, ceamah/bengkel kaunseling memberi maklumat, ceramah/bengkel kaunseling pembangunan diri, kursus teknik asas kaunseling/psikologi, perkhidmatan *hot line* dan surat menyurat, perkhidmatan rujukan/sokongan/kes/kes kaunseling dan program kaunseling khidmat masyarakat.

²⁰ Temuduga dengan Pn. Aluyah bte Mohd Ali di pejabatnya pada 15.9.1995. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Khidmat Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

3.4.2 Perkhidmatan Kerjaya

Kerjaya ialah perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan.²¹ Perkhidmatan kerjaya dalam konteks Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM ialah satu perkhidmatan yang luas yang dapat diberikan oleh kaunselor kepada pelajar-pelajar dan kakitangan.

Dengan adanya latihan dan bimbingan yang sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan akan menjurus kepada kerjaya yang diminati untuk memperkembangkannya di dalam peranan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

Perkhidmatan kerjaya yang dilaksanakan di UKK mempunyai beberapa tujuan yang tertentu. Antaranya adalah sebagai berikut:

- a. i. Mengadakan program untuk memahami diri sendiri (*self awareness*) kebolehan serta minat dan hubungkaitnya dengan kerjaya yang akan diceburi kelak.

²¹Kamus Dewan, *op.cit.*, hal. 656.

- v. ii. Mengadakan program bagi pelajar untuk membuat perancangan dan keputusan kerjaya untuk diri sendiri.
- v. iii. Menjalankan aktiviti atau latihan tentang keperluan bukan akademik yang akan dihadapi di dunia pekerjaan.
- v. iv. Menyediakan sumber maklumat dunia pekerjaan kepada pelajar.
- v. v. Memenuhi objektif ITM untuk mendidik bumiputera menjadi profesional yang berkelibar berdikari dan berilmu.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, maka dapat diberikan kesimpulan bahawa tujuan perkhidmatan kaunseling kerjaya yang diadakan di UKK adalah suatu aktiviti menolong klien/pelajar mengenal dan menyedari dirinya serta hubungan kendiri dengan pekerjaan yang dilakukan dan juga hubungkaitnya dengan orang lain yang menjadi masyarakat, seperti jiran, teman sekeluarga dan lain-lain. Dengan lain-lain perkataan, ia juga merupakan sebagai satu proses menolong individu/klien untuk melengkapkan dirinya tentang masa depan peluang pekerjaan yang akan diceburinya.

**Jadual (1) Bilangan Pelajar Dan Majikan
Yang Terlibat Dalam Program Temuduga Dalam/Luar Kampus**

Tahun	Bilangan Majikan		Bilangan Pelajar Yang Memohon		Bilangan Pelajar Yang Terpilih	
	TDK	TLK	TDK	TLK	TDK	TLK
1987	10	25	192	118	54	59
1988	13	20	228	258	25	26
1989	25	27	762	492	560	46
1990	42	33	1122	1205	471	232
1991	21	23	572	438	342	79
1992	23	26	851	478	761	102
1993	31	29	847	512	521	85

iii. Temuduga Terbuka (TT)

Temuduga Terbuka diadakan di atas permintaan majikan dan organisasi yang memerlukan pekerja. Temuduga ini diadakan sepanjang semester/tahun.

iv. Penempatan Pekerjaan Harian (PPH)

Di dalam penempatan pekerjaan harian ini, pihak majikan atau organisasi akan berhubung Unit Kerjaya dan Kaunseling sama ada melalui

telefon, surat atau datang sendiri untuk mendapatkan lulusan yang telah tamat pengajian.

Senarai lulusan akan dimajukan kepada majikan untuk tindakan selanjutnya. Program ini diadakan sepanjang semester/tahun. Di bawah ini dinyatakan pelajar yang terlibat dalam program penempatan pekerjaan harian.

Jadual (2) Bilangan Majikan Dan Pelajar Yang Terlibat Dalam Program Tawaran Pekerjaan Harian

Tahun	Bilangan Tawaran	Bilangan Mendaftar Di UKK
1987	612	1996 orang
1988	793	1742 orang
1989	1203	1235 orang
1990	1334	1268 orang
1991	1404	1235 orang
1992	826	852 orang
1993	1394	759 orang

Sumber: Laporan Tahunan UKK ITM Shah Alam.

3.4.2.2 Program Pembangunan Kerjaya (PPK)

Program Pembangunan Kerjaya telah dijalankan melalui:

.. i. Ekspo Kerjaya, Ceramah Kerjaya, Seminar, Bengkel serta Minggu Kerjaya.

.. ii. Program Asas Kerjaya, seperti:

- Career Life Management
- Career Decision Making
- Social & Table Manners
- Employable Skills
- Kemahiran Komunikasi
- Problem Solving
- Assertive Training dan lain-lain.

3.4.2.3 Maklumat Melanjutkan Pelajaran

Yang dimaksudkan dengan maklumat melanjutkan pelajaran ialah perkara-perkara yang menjadi panduan atau rujukan kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Khidmat ini diadakan untuk kakitangan dan pelajar-pelajar. Maklumat ini boleh didapati di Perpustakaan Mini Unit Kerjaya dan Kaunseling. Dalam perkara melanjutkan pelajaran sama ada dalam atau luar negeri, perbincangan selalu diadakan di antara kaunselor dengan pelajar-pelajar. Semua maklumat disampaikan melalui ceramah-ceramah yang telah dijadualkan oleh kaunselor. Untuk mendapatkan maklumat tentang melanjutkan pelajaran, Unit Kerjaya dan Kaunseling

mengadakan usahasama dengan jabatan-jabatan lain, seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Bahagian Pengajian MARA, MACCE, British Council dan lain-lain Jabatan serta organisasi.

3.4.2.4 Program Lawatan Industri/Perhubungan Industri

Program ini diadakan sejak tahun 1991. UKK telah dilantik untuk menyelaras dan juga urusetia program ini. Tujuan lawatan ini antaranya adalah sebagai berikut:

- i. Untuk merapatkan hubungan antara organisasi dan Institut untuk kerjasama di masa yang akan datang.
- ii. Untuk mengemaskinikan pengetahuan tentang perkembangan industri dan sains pengurusan yang terkini.
- iii. Untuk mengetahui prospek dan peluang kerjaya untuk bakal graduan atau lulusan ITM.
- iv. Untuk mendapatkan maklumat mengenai biasiswa dan pinjaman yang ditawarkan oleh organisasi.

- v. Untuk mendapatkan maklumat dan bertukar-tukar pandangan mengenai keperluan organisasi masa kini terhadap keperluan organisasi masa kini terhadap lulusan pelajar dari segi akademik, mental, rohani dan jasmani.

- vi. Untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang menjalankan latihan praktikal untuk pelajar ITM dan latihan industri untuk kakitangan Institut.

- vii. Untuk mengadakan hubungan industri melalui pusat-pusat kecemerlangan yang sedia ada di ITM dalam berbagai bidang keperluan dan pengkhususan.

Jadual (3) di bawah menunjukkan beberapa institusi/organisasi yang pernah dilawati.

Jadual (3) Senarai Industri/Organisasi Yang Telah Dilawati Dari Tahun 1992 hingga 1993.

Tahun	Tempat Yang Dilawati	Tarikh
1992	1. Siemens Components Melaka	23.1.1992
	2. Ocean Audio Technical, Kuala Lumpur	25.7.1992
	3. Petronas, Kuala Lumpur	8.9.1992
	4. Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd.	1.10.1992
	5. RTM Angkasapuri, Kuala Lumpur	15.10.1992

1993	1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	11.1.1993
	2. Toyota Assembly Services Sdn. Bhd, Shah Alam	17.2.1993
	3. Akademi Laut Malaysia, Melaka	26.6.1993
	4. Chemo Laboratories Manufacturing Sdn. Bhd., Shah Alam	26.8.1993
	5. Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd, Shah Alam Selangor	21.9.1993
	6. Bumiplastik Industries (M) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur	27.10.1993
1994	1. Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	26.1.1994.

3.4.2.5 Program Kerjaya Dengan Pihak Luar

Walaupun UKK memberikan perkhidmatan kerjaya di peringkat dalam ia juga dapat memberikan masa melaksanakan program dengan pihak luar. Program yang telah dan akan dijalankan ialah Bengkel Kerjaya Guru-guru, Ceramah/Bengkel Kerjaya untuk pelajar-pelajar SPM di seluruh negeri Selangor, Darul Ehsan.

Dari beberapa kenyataan yang tersebut di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa perkhidmatan kerjaya yang ada di UKK adalah satu program/aktiviti menyusun, merancang dan mendorong pelajar-pelajar didedahkan kepada membina kemahiran-kemahiran membuat keputusan dan pendedahan konsep kendiri selari dengan pemilihan kerjayanya. Boleh dikatakan sehingga kini keperluan dan peranan perkhidmatan kerjaya di UKK

telah mendapat sambutan yang baik daripada pelajar-pelajar dan juga masyarakat.

3.4.3 Perkhidmatan Latihan Kemahiran Belajar

Perkhidmatan Latihan Kemahiran Belajar adalah latihan assertif yang diberikan kepada pelajar-pelajar adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran. Latihan kemahiran belajar ini meliputi:

3.4.3.1 Bengkel Kemahiran Belajar Berkelompok

Bengkel kemahiran belajar ini dijadikan secara berkelompok dengan kaunselor sebagai fasilitator. Program ini meliputi:

- i. Teknik Pembelajaran
- ii. Kemahiran Mengambil Nota
- iii. Persediaan Nota
- iv. Kelok Pembelajaran
- v. Pengurusan Masa Belajar
- vi. Teknik Membuat Rujukan
- vii. Kemahiran Memberi Tumpuan
- viii. Kemahiran Mendengar
- ix. Kemahiran Mengingat.

3.4.3.2 Klinik Kemahiran Belajar

Klinik kemahiran belajar dilakukan kepada seorang pelajar sebagai individu yang menghadapi masalah pembelajaran. Ia dilakukan oleh kaunselor sendiri atau pensyarah-pensyarah setelah dirujuk untuk mata pelajaran tertentu dan juga untuk pelajar yang menghadapi masalah belajar.

3.4.3.3 Tutor Rakan Sebaya

Tutor rakan sebaya terdiri daripada pelajar-pelajar yang dilatih dan didedahkan kepada pendekatan kaunseling. Mereka dilantik untuk menjadi kaunselor kepada rakan-rakan mereka. Kaunselor bertanggungjawab memilih pelajar-pelajar yang layak menjadi pembimbing rakan sebaya.²²

Kaunselor Rakan Sebaya membantu dalam membuat latihan kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, membuat keputusan dan kemahiran kaunseling kepada rakan sebaya. Mereka membantu dalam melatih kumpulan sebaya untuk persediaan sebagai kaunselor sebaya. Sementara itu mereka bertindak sebagai faktor membantu pelajar-pelajar sebaya dalam bidang pendidikan. Mereka juga membantu dalam aktiviti

²² Temuduga dengan Puan Zaiton bte Ahmad di pejabatnya pada 28.10.1995. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Khidmat Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

orientasi pelajar-pelajar baru mengelolakan kelab bimbingan unit, perpustakaan bimbingan, papan kenyataan bimbingan dan aktiviti lain yang ada kaitan dengan bimbingan kerjaya dan pekerjaan.

3.4.4 Perkhidmatan Kaunseling Untuk Pembangunan Kakitangan

Perkhidmatan kaunseling untuk pembangunan kakitangan boleh dilihat sebagai satu proses perbincangan antara kaunselor dengan kakitangan mengenai masalah-masalah yang mempunyai isian emosi dalam usaha membantu mereka menangani masalah dengan lebih baik. Kaunseling bertujuan memperbaiki tahap kesihatan mental kakitangan. Dengan lain perkataan bermaksud supaya mereka merasa selesa dengan diri sendiri, mempunyai pandangan yang positif terhadap orang lain dan boleh menghadapi cabaran hidup. Sebagai satu bentuk komunikasi yang berkesan, kaunseling sudah tentu dapat meningkatkan prestasi organisasi. Ini kerana ia dapat membantu kakitangan bersikap lebih koperatif, kurang bimbang terhadap masalah peribadi, lebih terbuka dan lebih penting lagi ia boleh menjalankan organisasi lebih bertimbang rasa dalam menangani masalah manusia.

Program pembangunan atau perkhidmatan pembangunan kakitangan, beberapa aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan untuk kakitangan daripada kumpulan A,B,C dan D. Di antara program yang dijalankan ialah:

3.4.4.1 Bengkel Komunikasi Berkesan.

Tujuan bengkel komunikasi berkesan ini adalah untuk membentuk keyakinan kakitangan dengan cara membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih berkesan. Bengkel ini biasanya mengandungi tiga bahagian. Pertama, kemahiran komunikasi Interpersonal dengan membekalkan kepada peserta dengan berinteraksi yang berkesan. Kedua, kemahiran berkomunikasi secara asertif melatih cara berkomunikasi yang menjaga hak diri dan orang lain tanpa merosakkan diri dan orang lain. Ketiga, kemahiran menghadapi Konflik Interpersonal ialah membimbing klien mengamalkan strategi mengurus konflik dan tekanan dengan cara perundingan konstruktif.

3.4.4.2 Kursus Jaya Diri Penyesuaian Diri

Kursus ini bertujuan untuk *empower* peserta dan menyakinkannya tentang kebolehan dirinya. Aktiviti-aktiviti yang disusun melatih klien untuk memperolehi kejayaan.

3.4.4.3 Bengkel Jaya Diri Motivasi Diri

Program ini bertujuan untuk membentuk individu yang bersungguh mengerjakan sesuatu yang positif untuk menjayakan diri sendiri dan orang lain.

3.4.5 Perkhidmatan Ko Kurikulum²³

Unit Kerjaya dan Kaunseling mengenalikan 3 kursus ko kurikulum iaitu, Ko Kaunselor Rakan Sebaya, Ko Pengucapan Awam dan Ko Asas Bina Negara (ASBINA).

Ko Kurikulum telah diterima sebagai satu mata pelajaran ko-kurikulum dan diambil kira sebagai 1 jam kredit penilaian akademik untuk merekod pelajar. Ko kurikulum Kaunselor Rakan Sebaya dan Pengucapan Awam dibuka kepada pelajar-pelajar semester II ke atas. Manakala Ko-Kurikulum Asas Bina Negara (ASABINA) bagi pelajar-pelajar semester I hingga IV.

²³Bosirah bte Daud, "Aktiviti Ko-Kurikulum", *Berita ITM*, Bil. 76, ISSN 0128-4789, Julai 1993, hal. 7.

3.4.5.1 Ko-Kurikulum Kaunselor Rakan Sebaya

Kaunselor Rakan Sebaya diperkenalkan oleh ITM pada tahun 1976 sebagai satu aktiviti luar kuliah. Tujuan utama aktiviti ini diadakan ialah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran membantu diri dan rakan-rakan sebaya dalam proses perkembangan dan pertumbuhan peribadi masing-masing.

Pada tahun 1986 sehingga sekarang, kursus ini telah diterima sebagai satu mata pelajaran ko-kurikulum dan diambil kira dalam kedudukan akademik pelajar.

Semester I

Untuk program semester I pelajar dibimbing ke arah pengenalan diri dan indentiti diri, memperkenalkan kaunseling, fungsi serta ciri-ciri dan kemahiran yang perlu ada pada Kaunselor Rakan Sebaya. Pelajar juga akan diperkenalkan dengan beberapa teori terhadap manusia mengikut perspektif Islam dan Barat dan kemahiran-kemahiran asas kaunseling. Pendekatan yang digunakan ialah syarahan, latihan dan kumpulan di dalam dan di luar kelas dan projek.

Semester II

Bagi semester II pelajar-pelajar dilatih dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh kaunselor. Antaranya ialah kemahiran mendengar dan kemahiran bertindak. Pelajar juga diperkenalkan dengan beberapa teori kaunseling dan pendekatan masing-masing dalam menghadapi dan memberi bantuan kepada klien.

Pelajar juga akan dilibatkan dengan aktiviti “role play”. Pendekatan yang digunakan ialah syarahan, Latihan Dalam Kumpulan dalam dan luar kelas, ease-study projek dan role-play.

Semester III

Untuk semester ini kursus dirangka untuk memperkemaskan diri pelajar dengan kemahiran kaunseling dan membina sahsiah mereka untuk menjadi orang yang gemar membantu dan mempunyai sikap pengasih dan penyayang sesama manusia. Pada semester ini pelajar dilibatkan dengan role-play, dikehendaki membuat laporan kes study dan menyediakan tape temuduga dengan klien.

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1990	112	162	274
1991	160	231	391
1992	163	347	510
1993	162	277	439
1994	39	122	161

Jadual (4): Bilangan Pelajar Yang Mengikuti Kursus Ko-Kurikulum Kaunselor Rakan Sebaya.

3.4.5.2 Ko-Kurikulum Pengucapan Awam

Semester I

Untuk semester I objektif dan pendekatan tertumpu kepada pelajaran dan latihan amal dalam kelas untuk latihan amal dalam kelas untuk membina kebolehan berpidato di kalangan peserta. Dalam membentuk kebolehan pelajar berpidato, penumpuan dibuat pada:

- 1. Perancangan dan persiapan ucapan.
- 2. Latihan dan penyampaian ucapan.

Semester II

Kursus ini dirangka untuk memberi pendedahan tentang cara memberi ceramah, promosi barang, idea, memberi taklimat dan berkempen. Di samping itu juga pelajar diajar teknik-teknik dan pengetahuan yang perlu untuk mengendali dan menyelenggarakan majlis-majlis pengucapan awam seperti, majlis kempen, promosi dan sebagainya. Kursus ini dijalankan selama 14 minggu, 2 jam konteks mengajar seminggu untuk 1 jam kredit penilaian akademik untuk rekod pelajar.

3.4.5.3 Ko-Kurikulum Asas Bina Negara (ASASBINA)

Kursus Asas Bina Negara ini ditawarkan kepada semua pelajar dariapda semester I hingga semester IV mulai tahun 1992. Kursus ini dijalankan selama 4 semester meliputi 34 jam setiap semester.

Semester I

Kursus ini dirangka untuk membina imej dan personaliti diri, mengenal potensi diri dan melahirkan keyakinan diri pelajar. Di samping itu, pelajar juga akan mempelajari kemahiran berkomunikasi dan sejarah perjuangan umat. Kaedah pendekatan adalah melalui simulasi, wacana, latihan dalam kumpulan, teknik kumpulan nominal dan lain-lain.

Semester II

Kursus ini dirangka untuk menanamkan semangat kepimpinan, keperluan pimpinan, personaliti dan lain-lain pemimpin yang berwibawa dan perbandingan kepimpinan. Pelajar juga diterapkan dengan budaya ilmu dan kepentingan ilmu. Kaedah pendekatan yang digunakan adalah melalui syarahan, simulasi, latihan dalam kumpulan, bengkel dan lain-lain.

Semester III

Bagi semester III kursus dirangka untuk mendedahkan serta meningkatkan pelajar-pelajar dengan kemahiran pengurusan. Di samping itu untuk melahirkan pelajar yang berkebolehan dalam menjayakan sesuatu projek berdasarkan kaedah dan kemahiran pengurusan yang telah dipelajari. Kaedah pendekatan adalah melalui wacana, bengkel, seminar, simulasi, latihan dalam kumpulan dan sumbangsaran.

Semester IV

Untuk semester IV kursus menekankan untuk memupuk rasa cinta kepada agama, bangsa dan negara. Ia juga untuk menanamkan semangat daya juang, daya tahan dan daya saing di kalangan pelajar. Kaedah

pendekatan adalah melalui wacana, bengkel, lawatan, diskusi, simulasi, latihan dalam kumpulan, provokasi

Dengan penjelasan di atas dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa kewujudan perkhidmatan kaunseling di Institut Teknologi MARA (ITM) pada dasarnya adalah untuk membantu perkembangan dan pertumbuhan pelajar serta membantu mereka berfungsi dengan lebih efektif bagi mencapai kejayaan yang cemerlang dalam akademik dan kehidupan mereka. Berdasarkan daripada prinsip-prinsip yang ingin dicapai itu, maka Unit Kerjaya dan Kaunseling telah merangka beberapa program yang boleh membantu pelajar memperbaiki prestasi akademik dan saksiahan mereka.

Perkhidmatan kaunseling dan kerjaya diwujudkan juga untuk mengambil kita perubahan zaman yang dibawa oleh perkembangan sains dan teknologi serta pengurusan koprat yang bertambah kompleks. Perubahan ini mempengaruhi sosio budaya masyarakat semasa dan cara manusia bergerak dan mengendalikan diri. Perkhidmatan kaunseling diadakan utnuk berfungsi sebagai satu-satu bidang profesion membantu manusia menyesuaikan diri dan mengatasi masalah-masalah semasa yang menggugat kestabilannya.

Dari satu sudut pula kaunselor perlu mengambil peranan sebagai penggerak manusia. Untuk mengambil peranan itu, para kaunselor perlu peka terhadap perkembangan masyarakat di mana-mana harapan supaya

bersedia membantu ahli-ahli masyarakat dengan strategi-strategi yang positif untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul dari satu-satu perubahan ekonomi dan sosial.

Oleh kerana itu, adalah perlu bagi semua kaunselor yang bertugas di Unit Kerjaya dan Kauseling semestilah pakar dalam bidang yang diceburinya dan juga mereka mendapat cukup latihan perlulah dihantar untuk mendapatkan latihan yang sempurna. Dengan mempunyai kepakaran dan latihan tertentu ini akan menjadikan profesion ini satu yang benar-benar dapat membantu pelajar yang dinamik dan bertanggungjawab.